

## Pertandingan Mereka-Cipta Poster Ubuntu Bagi Kempen Ubuntu Awareness Oktober 2012.

1. Semua ahli Ubuntu-MY dijemput untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini yang berlangsung selama 2 minggu **bermula** dari **1 Oktober 2012** hingga **15 Oktober 2012**.
2. Tujuan poster ialah untuk menyebarkan / memberitahu mengenai Ubuntu sebagai sistem operasi komputer alternatif selain dari MS Windows dan lain lain dengan sasaran ialah pelajar sekolah/IPTA/IPTS.
3. **HADIAH - RM 50.00 dan 2 keping poster** yang siap dicetak bagi tempat pertama, **2 keping** poster siap dicetak bagi **tempat kedua dan ketiga**.

### Syarat dan Peraturan

1. Pertandingan terbuka kepada semua ahli Ubuntu-My dari **1 Oktober 2012 hingga 15 Oktober 2012**.
2. Hanya karya yang dihasilkan menggunakan **GIMP/Inkscape** sahaja akan diterima masuk sebagai penyertaan yang sah.
3. Karya yang telah siap hendaklah di kirimkan ke dalam Album Pertandingan Poster Ubuntu 2012 di group facebook Ubuntu-MY) menggunakan **format .png / .jpg** untuk tatapan/komen ahli Ubuntu-MY sepanjang pertandingan berlangsung.(link <https://www.facebook.com/media/set/?set=oa.10151254761261873&type=1> )
4. Tiada had bagi jumlah karya yang boleh dihantar oleh setiap peserta. Hantarkan seberapa banyak karya yang anda suka. Hanya yang terbaik akan dipilih.
5. **Setiap karya (source file)** hendaklah dihantar melalui email kepada **apogee@ubuntu.com** dalam **format .xcf (GIMP) atau .svg (Inkscape)**. sebarang font yang spesial (jarang terdapat secara asal dalam komputer hendaklah disertakan sekali)
6. **Tarikh akhir penghantaran karya ialah 15 Oktober 2012 jam 12 malam**. Pengadilan akan dilakukan pada 16 Oktober 2012 oleh admin-admin Ubuntu-MY.
7. Saiz poster ialah **A2 (420mm X 594mm)** beserta **standard bleed and gutter 3mm** dengan **resolusi 300dpi**
8. Design poster **mestilah mengikut kreativiti peserta** sendiri dan **lengkap** mempunyai **keterangan yang mudah difahami serta gambar mengenai penggunaan ubuntu** dan menggunakan **bahasa malaysia sepenuhnya**. contoh-contoh poster [http://spreadubuntu.org/files/Tabbed%20Tearsheet.sla-page1\\_0.jpeg](http://spreadubuntu.org/files/Tabbed%20Tearsheet.sla-page1_0.jpeg)
9. , <http://spreadubuntu.org/files/UbuntuPromotionalPoster.png>
10. Peserta perlu pastikan **bahan-bahan** yang ada dalam rekabentuk **poster** adalah **milik sendiri** atau **dibawah lesen Creative Common**.
11. **Logo Ubuntu, Logo Ubuntu-MY serta Link Ubuntu-MY** (<http://www.ubuntu.com.my>, <http://wiki.ubuntu.com.my>, <https://www.facebook.com/groups/ubuntuMY>, <https://www.facebook.com/ubuntu.malaysia>) hendaklah **dimasukkan sekali dalam poster tersebut**.
12. peserta dinasihatkan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak Canonical untuk menggunakan Logo Ubuntu dalam karya poster masing-masing. Rujuk

<http://design.ubuntu.com/assets/ubuntu-logo>

13. Pihak **Ubuntu-my berhak** melakukan sebarang penambahan/pengubahsuaian ke atas hasil karya poster-poster yang masuk bertanding selepas pertandingan berakhir. (sebelum percetakan)
14. Setiap karya juga akan **dilesenkan** dibawah **Creative Common License** oleh pihak Ubuntu-MY.
15. Pemilihan pemenang oleh pengadil (Admin Ubuntu-my) adalah muktamad. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
16. Pemenang akan dipilih berdasarkan kreativiti poster, design yang efektif (dalam menyampaikan/menunjukkan tujuan poster-ubuntu awareness), menarik dan tidak melanggar mana-mana syarat ditetapkan.
17. sekiranya tiada penyertaan diterima Ubuntu-my akan menggunakan design poster yang difikirkan sesuai. (samada diambil dari himpunan poster sedia ada atau rekaan baru dari admin)
18. Design atau karya "CIPLAK" akan di rejeck serta-merta.

#### Rujukan Logo Ubuntu-my

<https://code.launchpad.net/~fenris/+junk/ubuntu-my-logo>

#### Reference



**Ubuntu and Canonical are registered trademarks of Canonical Ltd.**

<http://creativecommons.org/licenses/by-sa/3.0/>